

14/06/1997

DAP mahu BPR siasat anak Ling

KUALA LUMPUR, Jumaat - DAP hari ini membuat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya menyasat anak lelaki Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang kononnya terbabit dalam pengambilalihan korporat bernilai lebih RM1.2 bilion.

DAP, yang mempersoal pengambilalihan itu meminta penyiasatan penuh dilakukan bagaimana Ling Hee Leong boleh mengumpul harta sebanyak itu walaupun baru berusia 27 tahun.

Aduan itu dibuat oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, bersama beberapa pemimpin parti itu di Ibu Pejabat BPR, di sini, hari ini.

Salinan aduan kepada BPR itu dan beberapa keratan akhbar yang menunjukkan pembabitan Ling dalam pengambilalihan korporat turut diedarkan kepada media massa.

DAP dalam aduannya menjelaskan, pengambilalihan korporat oleh anak Menteri Pengangkutan itu bermula dengan 6.55 juta saham Red Box Bhd.

Selepas itu, Ling membuat pengambilalihan korporat dalam empat syarikat membabitkan saham bernilai RM1.28 bilion tahun lalu. Syarikat berkenaan ialah Berjaya Industrial Bhd membabitkan RM568 juta saham, Promet Berhad (RM350 juta), Kelanamas Industries Bhd (RM314.5 juta) dan Red Box Bhd (RM52 juta).

"Saya membuat aduan kepada BPR dan meminta penyiasatan penuh dilakukan bagaimana Ling yang berumur 27 tahun terbabit dalam pengambilalihan korporat membabitkan saham bernilai lebih RM1.2 bilion, sama ada beliau menggunakan cara yang tidak betul atau menggunakan kedudukan bapanya sebagai ahli politik dan menteri," katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di luar perkarangan Ibu Pejabat BPR, Lim berkata BPR perlu memberikan keutamaan dari segi penyiasatan ke atas aduan itu serta membentangkan hasil siasatan dalam sidang Parlimen, bulan depan.

"Dr Ling seharusnya meminta BPR menjalankan siasatan dan membuktikan anaknya yang menjadi bilionair ketika berumur 27 tahun tidak menggunakan pengaruhnya sebagai menteri dan kedudukan politiknya.

"Ini adalah seiring dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu pemimpin bukan saja bersih tetapi juga dilihat bersih," katanya.

(END)